



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 1 TAHUN 2015

PERUBAHAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN BERIKUTAN PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN PENAMBAHBAIKAN JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Surat pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan perubahan penetapan gaji permulaan bagi skim perkhidmatan yang berkuat kuasa selaras dengan penambahbaikan skim-skim perkhidmatan yang dilaksanakan pada tahun 2013 serta penambahbaikan struktur Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013 - Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Gred 1 Hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (PP 36/2013).

DEFINISI

2. Dalam surat pekeliling perkhidmatan ini, “gaji permulaan” bermaksud matagaji yang ditetapkan untuk seorang pegawai yang baru dilantik tertakluk kepada skim perkhidmatan berkenaan.

LATAR BELAKANG

3. Pada tahun 2013, kerajaan telah bersetuju dengan penambahbaikan skim perkhidmatan yang telah dilaksanakan melalui 29 Pekeliling Perkhidmatan dan 2 surat pelaksanaan. Berikutan penambahbaikan tersebut, terdapat pindaan syarat lantikan dalam skim-skim perkhidmatan tertentu.
4. Kerajaan juga telah memutuskan supaya struktur JGMM bagi Gred 1 hingga Gred 40 dalam Kumpulan Pelaksana serta Gred 41 hingga Gred 54 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional ditambah baik serta dilaksanakan melalui PP 36/2013. Penambahbaikan tersebut antara lain telah mengubah kod gaji dan membundarkan amaun gaji minimum dan maksimum dalam JGMM yang turut memberi kesan kepada gaji permulaan dalam skim perkhidmatan yang ditetapkan pada gaji minimum.

PELAKSANAAN

5. Surat pekeliling perkhidmatan ini hanya memaklumkan mengenai penetapan gaji permulaan yang baharu dalam skim perkhidmatan berikutan penambahbaikan tersebut. Syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam perbekalan umum skim perkhidmatan seperti di **Lampiran A** adalah terpakai dan surat pekeliling perkhidmatan ini hendaklah dibaca bersekali dengan skim perkhidmatan yang berkuat kuasa dan digunapakai oleh UMT.
6. Penetapan gaji permulaan bagi skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di UMT adalah seperti di **Lampiran B**. Perubahan penetapan gaji permulaan ini hanya terpakai kepada pegawai yang dilantik mulai 1 November 2013.
7. Kesemua skim perkhidmatan yang diluluskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 - Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan, pekeliling dan surat pekeliling perkhidmatan serta surat pelaksanaan mengenai penggubalan, perubahan dan

penjumudan skim perkhidmatan yang digunakan oleh UMT dalam tempoh 1 November 2002 sehingga kini seperti di **Lampiran C** kekal berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling perkhidmatan ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 yang digunakan oleh UMT adalah dibatalkan.

PERBEKALAN UMUM SKIM PERKHIDMATAN

(Nota: Perbekalan yang disenaraikan adalah perbekalan umum dalam skim perkhidmatan.
Perbekalan terperinci dan khusus hendaklah dirujuk kepada skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.)

KLASIFIKASI KUMPULAN PERKHIDMATAN	: SEMUA KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SEMUA KUMPULAN PERKHIDMATAN
KEWARGANEGARAAN	1. Calon bagi lantikan hendaklah seorang warganegara Malaysia.
HAD UMUR	2. Calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
HAD UMUR BAGI PELANTIKAN SECARA PENINGKATAN SECARA LANTIKAN	3. Pegawai sedang berkhidmat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan lebih tinggi tertakluk kepada had umur berikut: (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
SYARAT BAHASA MELAYU	4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Lulus atau Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau Sijil Pelajaran Malaysia yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	5. Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menentukan gaji seseorang pegawai berdasarkan gaji permulaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN LEBIH TINGGI	6. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum dalam skim perkhidmatan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	6. Pegawai yang dilantik secara terus atau Peningkatan Secara Lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	7. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	8. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

9. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda;
 - (c) lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan, sekiranya disyaratkan oleh skim perkhidmatan;
 - (d) memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KEPERLUAN
KOMPETENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**SENARAI PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI
SKIM PERKHIDMATAN YANG BERKUAT KUASA**

KANDUNGAN

Bil	Klasifikasi Perkhidmatan	Kod
1	Pengangkutan	A
2	Bakat dan Seni	B
3	Sains	C
4	Pendidikan 4.1 Pendidikan Berijazah dan Bukan Berijazah	DG
5	Sistem Maklumat	F
	5.1 Sistem Maklumat Teknikal	FT
6	Pertanian	G
7	Kemahiran	H
8	Kejuruteraan	J, JA
9	Keselamatan dan Pertahanan Awam 9.1 Pentadbiran Keselamatan	KP
10	Perundangan dan Kehakiman	L
11	Pentadbiran dan Sokongan	N
12	Penyelidikan dan Pembangunan	Q
13	Sosial	S
14	Perubatan dan Kesihatan 14.1 Pegawai Perubatan	U UD
15	Kewangan	W

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN (A)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN (A)			
1.	Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54	(a) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang <i>nautical studies</i> yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iv) ijazah dalam bidang arkitek laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya; atau (v) <i>Chief Mate of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (vi) <i>Second Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (vii) <i>Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (viii) <i>Chief Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,259.10 2,362.88 2,362.88 2,570.43 2,570.43 2,985.55 2,985.55
2.	Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38	(a) (i) diploma dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) diploma dalam bidang sains nautika yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iii) <i>Chief Mate of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iv) <i>Second Engineer Officer of Between 750 & 3000 kW on Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	1,685.00 1,759.36 1,759.36 1,759.36

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>(v) diploma dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(vi) <i>Master of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(vii) <i>Chief Engineer Officer of Between 750 & 3000 kW on Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(viii) <i>Chief Mate of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(ix) <i>Second Engineer Officer of 3000 kW or more on Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(x) <i>Master of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(xi) <i>Chief Engineer Officer of 3000 kW or more on Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(xii) <i>Officer In Charge of a Navigational Watch of 500 GT or more on Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(xiii) <i>Officer In Charge of an Engineering Watch of 750 kW or more on Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p>1,834.57</p> <p>1,834.57</p> <p>1,834.57</p> <p>1,909.77</p> <p>1,909.77</p> <p>1,984.97</p> <p>1,984.97</p> <p>2,135.37</p> <p>2,135.37</p>
3.	Pembantu Laut Gred A17, A22, A26	<p>(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(ii) <i>Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iii) <i>Engineer Officer Of Less Than 750 kW On Domestic and Near Coastal Voyages</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iv) <i>Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(v) <i>Officer In Charge Of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p>938.00</p> <p>1,053.51</p> <p>1,053.51</p> <p>1,111.63</p> <p>1,344.09</p>

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
BAKAT DAN SENI (B)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI (B)			
4.	Pereka Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54	<p>LANTIKAN KE GRED B17</p> <p>(A) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik (Pereka Grafik (<i>Graphic Designer</i>) atau Perekabentuk Multimedia [Artis Multimedia – Visual <i>Multimedia Artist – Visual</i>]) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik (Eksekutif Rekaan Grafik (<i>Graphic Designing Executive</i>) atau Perekabentuk Multimedia [Pereka Bentuk Multimedia – Animasi & Visual (<i>Multimedia Designer– Animation & Visual</i>)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>LANTIKAN KE GRED B21, B25</p> <p>(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.</p>	<p>936.00</p> <p>936.00</p> <p>1,051.80</p> <p>1,109.92</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik (Pereka Grafik (<i>Graphic Designer</i>) atau Perekabentuk Multimedia [Artis Multimedia – Visual <i>Multimedia Artist – Visual</i>])atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik (Eksekutif Rekaan Grafik (<i>Graphic Designing Executive</i>) atau Perekabentuk Multimedia [Pereka Bentuk Multimedia – Animasi & Visual (<i>Multimedia Designer– Animation & Visual</i>)]atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gred B21 • Gred B25 	<p style="text-align: right;">1,960.00</p> <p style="text-align: right;">2,503.00</p>
		LANTIKAN KE GRED B27	
		<p>(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah Terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</p> <p>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau</p> <p>(iii) diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p style="text-align: right;">1,368.00</p> <p style="text-align: right;">1,368.00</p> <p style="text-align: right;">1,668.78</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p data-bbox="523 235 916 264">LANTIKAN KE GRED B31, B37</p> <p data-bbox="523 286 1142 315">(D) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p data-bbox="612 383 1142 495">(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</p> <p data-bbox="686 539 1179 685">(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau</p> <p data-bbox="686 719 1179 898">(iii) diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p data-bbox="603 920 644 949">dan</p> <p data-bbox="603 972 1179 1061">(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p data-bbox="686 1122 1142 1211">(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> <ul data-bbox="743 1234 879 1312" style="list-style-type: none"> • Gred B31 • Gred B37 	<div style="background-color: #cccccc; height: 400px; width: 100%;"></div> <p data-bbox="1299 1234 1399 1263">2,734.00</p> <p data-bbox="1299 1285 1399 1314">3,430.00</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		LANTIKAN KE GRED B41	
		(E) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan (a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,926.00 2,133.30
		LANTIKAN KE GRED B43, B47, B51, B53	
		(F) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan (a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. dan (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. <ul style="list-style-type: none"> • Gred B43 • Gred B47 • Gred B51 • Gred B53 	3,412.00 4,959.00 5,579.00 5,884.00
		<p>SYARAT UJIAN KHAS Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.</p>	

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)	
5	Pegawai Kebudayaan Gred B17/18, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54	LANTIKAN KE GRED B17		
		(A) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan	936.00	
		(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau		
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	936.00	
		LANTIKAN KE GRED B21, B25		
		(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan		
		(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau		
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.		
		dan		
		(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau	1,960.00	
(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh	2,503.00			
• Gred B21 Ketua Jabatan/Perkhidmatan.				
• Gred B25				
LANTIKAN KE GRED B27				
(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan	1,368.00			
(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau				
(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	1,368.00			
(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	1,368.00			
(iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,668.78			

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		LANTIKAN KE GRED B31, B37	
		<p>(D) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mempunyai pengalaman dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>dan (b)</p> <p>(i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gred B3 • Gred B37 	<div style="background-color: #cccccc; height: 100px; width: 100%;"></div> <p style="text-align: right;">2,734.00</p> <p style="text-align: right;">3,430.00</p>
		LANTIKAN KE GRED B41	
		<p>(E) mempunyai bakat , kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>	<p style="text-align: right;">1,926.00</p> <p style="text-align: right;">1,926.00</p> <p style="text-align: right;">2,133.30</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>LANTIKAN KE GRED B43, B47, B51, B53</p> <p>(F) mempunyai bakat , kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/ atau</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gred B43 • Gred B47 • Gred B51 • Gred B53 <p>SYARAT UJIAN KHAS</p> <p>Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.</p>	<p style="text-align: right;">3,412.00</p> <p style="text-align: right;">4,959.00</p> <p style="text-align: right;">5,579.00</p> <p style="text-align: right;">5,884.00</p>
6	Artis Budaya Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38	<p>LANTIKAN KE GRED B17</p> <p>(A) mempunyai bakat , kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) kebolehan dan daya kreativiti; dan mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>	<p style="text-align: right;">936.00</p> <p style="text-align: right;">936.00</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		LANTIKAN KE GRED B21, B25	
		<p>(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gred B21 • Gred B25 	<p>1,960.00</p> <p>2,503.00</p>
		LANTIKAN KE GRED B27	
		<p>(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) diploma dalam bidang seni lakon, seni persembahan, seni tari, seni kreatif, seni drama atau seni teater yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p>1,368.00</p> <p>1,368.00</p> <p>1,368.00</p> <p>1,668.78</p>
		LANTIKAN KE GRED B31, B37	
		<p>(D) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya Kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p>	

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>(iii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) diploma dalam bidang seni lakon, seni persembahan, seni tari, seni kreatif, seni drama atau seni teater yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.</p> <p>. Gred B31</p> <p>. Gred B37</p> <p>SYARAT UJIAN KHAS</p> <p>Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.</p>	<p>2,734.00</p> <p>3,430.00</p>
7	Jurufotografi Gred B17/18, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38	<p>LANTIKAN KE GRED B17</p> <p>(A) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (<i>Photographer</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>	<p>936.00</p> <p>936.00</p> <p>1,051.80</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (<i>Senior Photographer</i>) atau atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	1,109.92
		LANTIKAN KE GRED B21, B25	
		(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan	
		(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem; atau	
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	
		(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (<i>Photographer</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	
		(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (<i>Senior Photographer</i>) atau atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	
		dan	
		(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau	1,960.00
		(ii)* memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan /Perkhidmatan.	2,503.00
		LANTIKAN KE GRED B27	
		(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan	
		(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang fotografi dan/ atau kamera filem; atau	
			1,368.00

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>(iii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) diploma dalam bidang fotografi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p>1,368.00</p> <p>1,368.00</p> <p>1,668.78</p>
LANTIKAN KE GRED B31, B37			
		<p>(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem; atau</p> <p>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) diploma dalam bidang fotografi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan /Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gred B31 • Gred B37 	<p style="background-color: #cccccc;">2,734.00</p> <p style="background-color: #cccccc;">3,430.00</p>
<p>SYARAT UJIAN KHAS Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni foto, kamera filem atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.</p>			

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
SAINS (C)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN SAINS (C)			
8	Pegawai Sains Gred C41, C44, C48, C52, C54	(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,147.45
9	Penolong Pegawai Sains Gred C27, C32, C38	(a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains; atau	1,374.00
		(ii) diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	1,374.00
		(iii) diploma dalam teknologi makmal yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	1,673.91
		(iv) diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,749.12
10	Pembantu Makmal Gred C17, C22, C26	(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.	933.00
11	Pegawai Teknologi Makanan Gred C41, C44, C48, C52, C54	(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang sains makanan dan pemakanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	2,147.45
		(ii) Bacelor Sains dan Teknologi Makanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Universiti Putra Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,251.23
12	Penolong Pegawai Teknologi Makanan Gred C27, C32, C38	(a) (i) diploma dalam bidang teknologi makanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,749.12
13	Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41, C44, C48, C52, C54	(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Perkhidmatan Makanan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,147.45

14	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27, C32, C38	(a) (i)	diploma dalam bidang <i>institutional catering and management</i> yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,673.91
----	--	---------	--	----------

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN (D)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (D)				
15	Guru Bahasa Gred DG41, DG44, DG48, DG52, DG54	(a) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,120.73	
16	Pensyarah Universiti Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Khas	LANTIKAN KE GRED DS45		
		a) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf Oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	2,878.00	
		(ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau	2,878.00	
		(iii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma Lajutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempat atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	2,878.00	
		(iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	3,188.37	
		(v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	3,188.37	
		LANTIKAN KE GRED DS51		
		(a) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf Oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	5,637.00	
		(ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau	5,637.00	
		(iii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	5,637.00	

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	5,637.00
		(v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;	5,637.00
		dan	
		(b) (i) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan	
		(ii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.	
LANTIKAN KE GRED DS53 (PROFESOR MADYA)			
		(a) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	5,922.00
		(ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau	5,922.00
		(iii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	5,922.00
		(iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	5,922.00
		(v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;	5,922.00
		dan	
		(b) (i) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan	

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(ii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.	
		LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)	
		(a) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	7,189.63
		(ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau	7,189.63
		(iii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	7,189.63
		(iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	7,189.63
		(v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;	7,189.63
		dan	
		(b) (i) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan	
		(ii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.	

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
SISTEM MAKLUMAT (F)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT (F)			
17	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, F44, F48, F52, F54	(a) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iii) ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iv) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,146.00 2,353.44 2,664.78 2,976.11
18	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29, F32, F38	(a) (i) diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,746.00 1,820.89
19	Juruteknik Komputer Gred FT17, FT22, FT26	(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iv) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (v) sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.	953.00 1,010.77 1,068.89 1,243.24 1,417.59

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
PERTANIAN (G)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERTANIAN (G)			
20	Pegawai Pertanian Gred G41, G44, G48, G52, G54	(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian atau Sains Hortikultur yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) Ijazah Sarjana Muda Sains Keujian dalam bidang kimia atau biokimia yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,221.37 2,221.37 2,323.57
21	Penolong Pegawai Pertanian Gred G27, G32, G36	(a) (i) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau (ii) diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,363.00 1,738.86
22	Pegawai Perikanan Gred G41, G44, G48, G52, G54	(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Sains Keujian yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang berkaitan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) Ijazah Sarjana Muda Sains (Perikanan) atau Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Laut, Awam atau Elektrik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (iv) Ijazah Sarjana Muda Arkitek Laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,119.16 2,221.37 2,323.57 2,425.78
23	Penolong Pegawai Perikanan Gred G27, G32, G36	(a) (i) diploma dalam bidang perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) diploma dalam bidang sains nautika yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,738.86 1,738.86

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
24	Pembantu Perikanan Gred G17, G22, G26	(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	933.00
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	988.55
		(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,044.94
25	Pegawai Veterinar Gred G41, G44, G48, G52, G54	(a) (i) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 selaras dengan senarai kelayakankelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua.	2,527.99
26	Pembantu Veterinar/ Penolong Pegawai Veterinar Gred G17, G22, G26 G27/28, G32, G36	LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU VETERINAR GRED G17	
		(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	933.00
		LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G27	
(a) (i) Sijil Veterinar daripada Institut Veterinar Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	1,363.00		
(ii) diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,814.06		

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
KEMAHIRAN (H)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN KEMAHIRAN (H)			
27	Pembantu Kemahiran Gred H17, H22, H26	(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,318.42 1,318.42
28	Operator Loji Gred H11, H14	(a) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (ii) sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan (iii) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan.	896.15
29	Pembantu Awam Gred H11, H14	(a) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Syarat tambahan: Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/ motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia)	850.00
30	Pemandu Kenderaan Gred H11, H14	(a) (i) berkebolehan memandu, mengendali Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/ F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan (iii) berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini	

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<ul style="list-style-type: none"> • Lesen D • Lesen E/E1/E2 • Lesen F/H • Lesen G/I 	<p style="text-align: right;">896.15</p> <p style="text-align: right;">942.30</p> <p style="text-align: right;">988.45</p> <p style="text-align: right;">1,034.60</p>

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
KEJURUTERAAN (J)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN (J)				
31	Arkitek Gred J41, J44, J48, J52, J54	(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,567.28	
32	Pelukis Pelan (Seni Bina)/ Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38	LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS PELAN (SENI BINA) GRED JA17		
		(a) (i)	Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Pendidikan Seni Visual atau atau Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut; atau	953.00
		(ii)	Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Pelukis Pelan (Seni Bina) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	1,010.77
		(iii)	Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pelukis Pelan (Seni Bina) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,068.89
		LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29		
		(a) (i)	sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	1,418.00
(ii)	diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,826.02		
33	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera Gred JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38	LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) GRED JA17		
